

## **SENARIO PEMBELAJARAN TILAWAH AL-QURAN MURID MASALAH PEMBELAJARAN (KEFUNGSIAN SEDERHANA)**

### ***LEARNING SCENARIO QURAN RECITATION STUDENT WITH LEARNING DISABILITIES (MODERATE FUNCTIONALITY)***

**Rabiatuladawiyah Saleh<sup>1</sup>**

School of Humanities, Universiti Sains Malaysia (USM), Malaysia.

(Email: adawiyah87@student.usm.my)

**Mohd Nizam Sahad<sup>2</sup>**

School of Humanities, Universiti Sains Malaysia (USM), Malaysia.

(Email: nizamsahad@usm.my)

**Received date:** 27-07-2019

**Revised date:** 05-08-2019

**Accepted date:** 31-08-2019

**Published date:** 15-09-2019

**To cite this document:** Saleh, R., & Sahad, M. N. (2019). Senario Pembelajaran Tilawah Al-Quran Murid Masalah Pembelajaran (Kefungsian Sederhana). *International Research Journal of Shariah, Muamalat and Islam*, 1(1), 07-13.

**DOI:** 10.35631/irjsmi.11002

**Abstrak:** Mata pelajaran Pendidikan Islam bagi murid pendidikan khas masalah pembelajaran turut mengandungi bidang pembelajaran tilawah al-Quran. Pengajaran tilawah al-Quran murid pendidikan khas adalah berbeza berbanding dengan murid tipikal. Kertas ini turut membincangkan tentang senario pembelajaran tilawah al-Quran bagi murid berkeperluan khas masalah pembelajaran kefungsian sederhana dalam pembelajaran tilawah al-Quran. Selain itu juga, terdapat beberapa cabaran yang perlu dihadapi oleh guru-guru dalam pengajaran tilawah al-Quran kepada murid ini. Justeru, kekurangan murid-murid ini boleh diatasi melalui pembelajaran terbeza berbanding yang alami. Oleh itu, murid-murid masalah pembelajaran tidak akan terabai dalam pembelajaran tilawah al- Quran.

**Kata Kunci:** Pembelajaran Tilawah al-Quran, Pendidikan Khas, Masalah Pembelajaran

**Abstract:** *Qur'an recitation is one of the components of Islamic Education for special education pupils with learning difficulties. The instruction of Qur'an recitation for special education pupils is different when compared to average pupils. This paper discusses the Qur'an recitation learning scenario for special needs pupils with learning difficulties of moderate functional learning. Moreover, there are some challenges that teachers need to face in teaching Quran recitation to these pupils. However, the shortcomings of these pupils can be overcome through different learning compared to the natural ones. Therefore, pupils with learning problems will not be neglected in the study of the Qur'an.*

**Keywords:** *Qur'an Recitation, Special Education, Learning Disabilities*

---

## Pengenalan

Al-Quran merupakan *kalamullah* yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w melalui malaikat *Jibril* a.s untuk dijadikan panduan dalam kehidupan manusia. Membaca al-Quran menjadi satu bekalan untuk menuju ke kehidupan seterusnya. Orang yang mengajar ilmu al-Quran adalah yang terbaik di kalangan manusia manakala yang mempelajari dan membaca al-Quran mendapat pahala berlipat ganda sepetimana sabda Rasullullah maksudnya “*Sesiapa yang membaca satu huruf dari kitab Allah (al-Quran), maka baginya kebaikan dan satu kebaikan itu digandakan menjadi sepuluh. Aku tidak bermaksud ‘Alif Lam Mim’ itu satu huruf, akan tetapi ‘alif’ satu huruf, ‘lam’ satu huruf dan ‘mim’ satu huruf*”(al-Albani, 2012)

Ilmu al-Quran bukan sahaja hanya perlu dipelajari oleh golongan yang normal, tetapi al-Quran juga perlu dipelajari oleh golongan berkeperluan khas. Hal ini kerana menjadi kewajipan dalam solat untuk membaca al-Fatiyah. Malah dengan membaca dan memperdengarkan al-Quran juga akan dapat membentuk peribadi yang mulia. (Fariza Md Sham, Salmihah Che Mud, Manisah Mohd Ali, Zuliza Mohd Kusrin, & Rosmawati Mohamad Rasit, 2017). Justeru itu, menjadi kewajipan untuk golongan ini mempelajari al-Quran terutama mereka yang *mukallaf*. Pelbagai penambahbaikan yang telah dilakukan oleh pakar dalam bidang pembelajaran tilawah al-Quran bagi meraikan murid pendidikan khas agar mereka boleh membaca al-Quran dengan betul dan sempurna.

Antara penambahbaikan yang dilakukan dalam bidang pembelajaran tilawah al-Quran, murid pendidikan khas masalah pembelajaran ialah pada tahun 2016 bahagian kurikulum pendidikan khas telah merangka tiga objektif yang spesifik untuk murid sekolah menengah iaitu yang pertama murid dapat membaca ayat-ayat pilihan dari al-Quran dengan betul serta mengamalkan dalam kehidupan sehari-hari. Objektif yang kedua ialah menghafaz surah-surah pilihan dari juz *Amma* untuk bacaan dalam solat dan ibadah sehari-hari. Seterusnya objektif yang ketiga ialah menghayati maksud potongan ayat pilihan dari al-Quran dan mengamalnya. (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016) Kurikulum baru ini berbeza dengan kurikulum lama pendidikan khas bermasalah pembelajaran Pendidikan Agama Islam bagi sekolah menengah disertakan dalam bidang kerohanian dan nilai-nilai murni. Bagi pembelajaran tilawah al-Quran, objektifnya ialah untuk membolehkan pelajar mengenal, menamakan dan membunyikan huruf hijaiyyah tunggal dan berbaris dan hafazan melafazkan doa-doa harian dan surah-surah tertentu (Jabatan Pendidikan Khas, 2004).

## Murid Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran

Masalah pembelajaran dianggap sebagai masalah neurologi (Norzila Zakaria, 2018). Masalah ini berkaitan dengan cara otak menerima, memproses, menganalisis dan menyimpan maklumat. Masalah pembelajaran juga merupakan kecelaruan dalam satu atau lebih daripada satu proses psikologi yang melibatkan kefahaman, penggunaan bahasa lisan atau bertulis. Kecelaruan ini boleh menjelaskan keupayaan mendengar, berfikir, bertutur, membaca, menulis, mengeja atau mengira (Bahagian Pendidikan Khas, 2015). Mengikut Akta Orang Kurang Upaya 2008, masalah pembelajaran boleh dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu lewat perkembangan bagi kanak-kanak yang di bawah umur empat tahun, Sindrom Down, Autisme, Masalah Intelek, masalah Pembelajaran Spesifik seperti Disleksia, dan Diskalkulia (Jamila KA Mohamed, 2005). Menurut Jamila KA Mohamed (2005) murid masalah pembelajaran mengalami ketidakupayaan dan memerlukan sokongan perkhidmatan pakar dalam kehidupan sehari-hari.

Murid berkeperluan khas Masalah Pembelajaran terbahagi kepada tiga kumpulan iaitu murid berkeperluan khas kefungsian tinggi, murid berkeperluan khas kefungsian sederhana, murid berkeperluan khas kefungsian rendah. Murid berkeperluan khas (MBK) Berkefungsian Tinggi ialah murid-murid khas yang menguasai literasi dan Numerasi serta mampu belajar dikelas aliran biasa bersama murid-murid tipikal. Murid berkeperluan khas (MBK) berkefungsian Sederhana ialah murid MBK yang menguasai kemahiran asas Literasi dan Numerasi dan mampu untuk berkomunikasi dengan baik. Murid berkeperluan khas (MBK) Berkefungsian Rendah iaitu murid-murid khas yang tidak menguasai literasi dan numerasi serta tidak dapat mengawal emosi dan tingkah laku mereka (Bahagian Pendidikan Khas, 2016).

Pelbagai kaedah pengajaran al-Quran yang telah dicipta untuk membantu murid berkeperluan khas membaca al-Quran antaranya Kaedah Fakih, Kaedah Tahfiz Akhyar, Kaedah Tilawah Asyraf dan Kaedah Penulis wahyu (Syar Meeze Mohd Rashid, 2017), akan tetapi tiada satu kaedah yang sesuai untuk semua murid keperluan khas kerana setiap mereka mempunyai keperluan yang berbeza. Usaha murni pakar-pakar ini dalam membantu murid berkeperluan khas membaca al-Quran adalah amat mulia. Sesuai dengan sabda Nabi Muhammad s.a.w “*Sebaik-baik kamu ialah orang yang mempelajari al-Quran dan mengajarnya*” (al-Bukhari, 1979)

### **Realiti Semasa Murid Masalah Pembelajaran**

Data daripada Kementerian Pendidikan Malaysia menunjukkan bahawa bilangan murid-murid yang mengikuti kelas pendidikan khas (bermasalah pembelajaran) di sekolah menengah pada tahun 2016 hingga 2018 telah meningkat iaitu dari 23,185 kepada 24,498 orang. Jadual 1 di bawah menunjukkan bilangan murid-murid yang mengikuti kelas pendidikan khas (bermasalah pembelajaran) di seluruh negeri pada tahun 2016, 2017 dan 2018.

**Jadual 1: Bilangan Murid Pendidikan Khas (Bermasalah Pembelajaran) Sekolah Menengah**

<b>Tahun</b>	<b>2016</b>	<b>2017</b>	<b>2018</b>
Jumlah Pelajar Murid Masalah Pembelajaran	23,185	23,677	24,498

Sumber: (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018)

Data yang ditunjukkan ini merangkumi sekolah pendidikan khas, sekolah vokasional pendidikan khas, sekolah menengah yang mempunyai integrasi pendidikan khas di seluruh Malaysia yang merangkumi kawasan bandar dan luar bandar. Jadual tersebut juga menunjukkan terdapat peningkatan bilangan murid pendidikan khas masalah pembelajaran setiap tahun. Sekiranya murid-murid ini tidak diajar dengan pendidikan Islam sudah pasti akan menimbulkan pelbagai masalah di kemudian hari.

### **Pembelajaran Al-Quran di Sekolah**

Kini kandungan kurikulum standard sekolah menengah mata pelajaran pendidikan Islam bagi pembelajaran tilawah al-Quran mempunyai beberapa bahagian, iaitu bahagian tilawah al-Quran yang merangkumi bacaan, hafazan, ayat kefahaman dan hadis. Sub bahagian yang kedua iaitu ulum *syari'yah* yang merangkumi bahagian akidah, ibadat, sejarah dan akhlak Islamiah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Peruntukan masa bagi mata pelajaran pendidikan Islam bagi murid tipikal menengah rendah ialah 240 minit dan 160 minit

seminggu bagi murid menengah atas (Mohd Aderi Che Noh, 2015). Manakala peruntukan masa untuk murid masalah pembelajaran kefungsian sederhana ialah 150 minit seminggu (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016). Berdasarkan peruntukan masa pengajaran Pendidikan Islam kurikulum standart sekolah menengah. Tilawah al-Quran bukanlah satu ilmu yang berasingan tetapi adalah bersifat bersepada. Dengan maksud yang lain, tilawah al-Quran bukanlah hanya dilihat dari segi membetulkan bacaan malah lebih daripada itu. Hal ini kerana, ternyata pengajaran dalam tilawah al-Quran adalah meliputi bacaan, hafazan dan kefahaman.

Proses pengajaran murid tipikal adalah secara penerangan, projek, membaca berkumpulan, berpasangan dan secara individu (Mohd Aderi Che Noh, 2015). Namun demikian, kaedah pengajaran secara *talaqqi* dan *musyafahah*, perbincangan dengan murid (Nurzuliana Rashed et al., 2015) kaedah ini masih lagi diamalkan sehingga kini. Selain itu, pembelajaran tilawah al-Quran menggunakan juga model as'ad Human, latih tubi, halaqah, kaedah tatbiqi dan kaedah tasmi' (Mohd Aderi Che Noh, 2015). Menurut Misnan Jemali, Ab Halim Tamuri, dan Azmil Hashim (2014) pengajaran murid tipikal melalui aspek penilaian, pengulangan, rumusan, penyoalan dan pengkayaan itu adalah sangat penting dan utama dalam pengajaran tilawah al-Quran dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

Proses pembelajaran murid pendidikan khas tidak sama dengan pembelajaran murid normal. Guru perlu memberi komitmen yang tinggi dan seharusnya mempunyai pengetahuan khusus tentang keperluan murid khas. Sesuai dengan saranan Imam Ghazali yang menyatakan bahawa guru perlulah sentiasa komitmen, mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi dan ikhlas dalam mengajar muridnya (al-Ghazali, 1967; Khairul Bariah Md Khair, 1999). Pembelajaran al-Quran murid berkeperluan khas memerlukan guru menumpukan kepada topik yang tertentu sahaja (Hamdi Ishak, Ab Halim Tamuri, Rosadah Abdul Majid, & Safani Bari, 2012) sesuai dengan saranan Ibnu Khaldun bahawa murid perlu diperkenalkan dengan pembelajaran yang mudah dahulu, kemudian beralih kepada topik yang sukar. (Ibnu Khaldun, 1993) seperti memperkenalkan huruf hijaiyyah terlebih dahulu. Pembelajaran perlu berpusatkan kepada murid, menyalin nota, menulis dan membaca semula (Hamdi Ishak etc. all, 2012) supaya pencapaian dan kefahaman murid bertambah mantap.

Kebanyakan murid masalah pembelajaran masih berada ditahap Iqra satu walaupun sudah melanjutkan pembelajaran ke peringkat sekolah menengah. Keadaan ini tidak dapat dinafikan kerana murid masalah pembelajaran mudah lupa dan memerlukan pengulangan apabila mempelajari sesuatu yang baru (Jamila K.A. Mohamed, 2005). Hal ini juga bersesuaian dengan saranan pembelajaran al-Quran oleh Ibnu Khaldun (Ibnu Khaldun, 1993) iaitu mempelajari al-Quran secara berperingkat dan mengulang semula pembelajaran setiap tahap supaya murid dapat mengingati pembelajaran (Siti Patonah Mohamad, Zulkifli Mohd Yusof, & Duriyyah Sharifah Hasan Adli, 2014).

### **Cabarannya Pembelajaran Al-Quran**

Pelbagai cabaran yang perlu dihadapi oleh guru dalam mengajar murid pendidikan khas. Antaranya adalah tugas klinikal dan pengurusan diri pelajar yang perlu dilaksanakan (Junaidah Mohamad & Nik Rosila Nik Yaacob, 2013). Keadaan ini telah menyebabkan pembelajaran murid pendidikan khas sangat terhad. Tambahan pula, masa yang diperuntukkan untuk pembelajaran al-Quran agak terbatas (Muhammad Izzat Ngah, Siti Zaleha Ibrahim, & Noraini Mohamad, 2016). Peruntukan masa untuk mata pelajaran Pendidikan Islam iaitu sebanyak 2.5 jam seminggu (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016) Oleh itu, guru tidak dapat menumpukan perhatian kepada kemahiran membaca al-

Quran (Hajarul Bahti Zakaria et al., 2010). Tambahan lagi, bagi subjek pendidikan Islam murid bukan sahaja mempelajari tilawah al-Quran, malah turut mempelajari hadith, akidah, sirah dan adab.

Menurut Safarina Ujang dan Norshidah Mohamad Salleh (2018) guru pendidikan Islam yang mempunyai tahap pengetahuan mengenai pengajaran pendidikan khas adalah kurang. Kekurangan pengetahuan mengenai pendidikan khas membawa kepada kurang keberkesan dalam pengajaran dan pemudahcaraan di dalam kelas. Pengetahuan guru mengenai pendidikan khas adalah perlu bagi merancang pengajaran di dalam kelas. Oleh itu, guru Pendidikan Islam yang mengajar Pendidikan Khas perlu diberi penerangan dan mempunyai persediaan mengenai pendidikan khas (Norakyairee Mohd Raus et al., 2019).

Menurut Hajarul Bahti Zakaria, Mohd Huzairi Awang@Husain, Bani Hidayat Mohd Shafie dan Huzairi (2010) dalam kajiannya mendapati bahawa sekolah murid pendidikan khas berhadapan dengan masalah kekurangan guru dalam mata pelajaran pendidikan Islam. Hasil daripada kekurangan guru pendidikan Islam yang mengajar pendidikan khas telah menyebabkan murid kekurangan pembimbing yang mempunyai asas yang kukuh dalam pengajaran al-Quran (Norakyairee Mohd Raus et al., 2013). Apabila hal ini berlaku, akan terjadilah guru pendidikan Islam tidak mempunyai kemahiran pedagogi untuk murid berkeperluan khas, dan guru khas tidak mempunyai asas pengetahuan tentang pendidikan Islam yang sebenar (Hajarul Bahti et al. 2010). Walaupun, terdapat juga kursus pendedahan pengajaran Pendidikan Islam oleh Jabatan Pendidikan namun, tiada penyelarasan dalam penganjuran kursus ini atau dalam kata lain, ia dijalankan secara tidak berkala (Norakyairee Mohd Raus et al., 2019).

Selain itu, kesedaran ibu bapa murid berkeperluan khas juga berada ditahap yang minima di dalam memberi penekanan terhadap pembelajaran al-Quran. Mereka menganggap bahawa anak-anak istimewa tidak layak untuk mendapat pendidikan yang sempurna. Hal ini, akan menyebabkan kanak kanak istimewa hilang keyakinan diri dan seterusnya menyebabkan menjadi beban dalam keluarga apabila dewasa. Sebahagian besar ibu bapa hanya menumpu kepada pembentukan diri anak mereka supaya boleh berdikari di masa hadapan berbanding dengan ilmu keagamaan Penglibatan ibu bapa dalam aktiviti sekolah kurang dan mengharap kepada guru dalam pengajaran al-Quran. Kebanyakan penjaga tidak yakin anak mereka dapat mencuba sesuatu yang baru. Kesedaran ibu bapa dalam adalah perlu dalam pembelajaran agama untuk murid pendidikan khas (Mohd Huzairi Awang,Hajarul Bahti Zakaria, & Syar Meeze Mohd Rashid 2019).

## Kesimpulan

Setiap insan memerlukan agama dalam memandu kehidupan. Begitu juga dengan insan yang mempunyai kekurangan. Kekurangan bukanlah penghalang dalam mempelajari al-Quran. Mempelajari al-Quran adalah penting bagi setiap mukallaf yang beragama Islam. Oleh itu, pembelajaran al-Quran bukan sahaja perlu diajar kepada kanak-kanak normal, malah hak bagi kanak-kanak istimewa juga tidak harus diketepikan dalam memenuhi tuntutan sebagai muslim yang sempurna. Menjadi kewajipan kita yang mengetahui dan berupaya mengajar al-Quran kepada masyarakat termasuklah golongan istimewa. Kita semua perlu sama-sama berganding bahu dalam memberi galakan dan pendidikan kepada murid istimewa dalam menjalani kehidupan beragama. Selain itu, kaedah pengajaran al-Quran perlu dipelbaagaikan mengikut keperluan pelajar yang mempunyai tahap pengetahuan yang berbeza dalam penguasaan al-Quran bagi memudahkan pelajar memahami pengajaran guru dalam suasana gembira dan tanpa rasa terpaksa. Penampaikan Kurikulum Standard Sekolah Menengah dalam mata pelajaran pendidikan

Islam pada tahun 2017 merupakan satu usaha yang baik yang dilakukan oleh kerajaan kearah memperbaiki mutu pendidikan bagi memperkasakan pendidikan Islam kepada murid pendidikan khas.

## Rujukan

- Al-Bukhari, Muhammad Ibn Ismail (1979). *Al-Jami' Al-Shahih*. Kaherah: Al-Matba'ah Al-Salafiyyah.
- Al-Ghazali. (1967). *Ihya Ulumuddin*. Kaherah: Muassasat al-Halabi li al- Nasyr wa al-Tauzi'.
- Bahagian Pendidikan Khas. (2015). *Buku Panduan Pengoperasian Program Pendidikan Khas Integrasi. Bahagian Pendidikan Khas Kementerian Pendidikan Malaysia*.
- Fariza Md Sham, Salmihah Che Mud, Manisah Mohd Ali, Zuliza Mohd Kusrin, Rosmawati Mohamad Rasit, S. N. M. (2017). Panduan syariah Untuk Ibu Bapa Menangani Perilaku Seksial Remaja Autisme. *Jurnal Hadhari Edisi Khas*, 169–182.
- Hajarul Bahti Zakaria, Mohd Huzairi Awang@Husain, Bani Hidayat Mohd Shafie, N. H. F. T. & N. K., & Huzairi, M. (2010). Isu dan Cabaran Guru dalam Pendidikan Al-Quran Pelajar Bermasalah Penglihatan. *The 4th Conference on Teacher Education*, (November), 751–762.
- Hajarul Bahti Zakaria, Mohd Huzairi Awang, @Husain, Bani Hidayat Mohd Shafie, Nor Hayati Fatmi Talib, & Nabiroh Kassim. (2010). Isu dan Cabaran Guru dalam Pendidikan Al-Quran Pelajar Bermasalah Penglihatan. In *The 4th Conference on Teacher Education*.
- Hamdi Ishak, Ab Halim Tamuri, Rosadah Abdul Majid, & Safani Bari. (2012). Amalan Pengajaran Guru Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam Di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas ( Masalah Pendengaran ). *Journal of Islamic and Arabic Education*, 4(2), 11–24.
- Hamdi Ishak, Ab Halim Tamuri, Rosadah Abdul Majid, Safani, & Safani Bari. (2012). Amalan Pengajaran Guru Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam Di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas ( Masalah Pendengaran ). *Journal of Islamic and Arabic Education*, 4(2), 11–24.
- Ibnu Khaldun. (1993). *Muqaddimah Ibnu khaldun*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jabatan Pendidikan Khas. (2004) *Huraian Sukatan Matapelajaran Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran Sekolah rendah Dan Sekolah menengah* (Cetakan ke 2). Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jamila K.A. Mohamed. (2005). *Pendidikan Khas Untuk Kanak-Kanak Istimewa*. PTS. Professional.
- Junaidah Mohamad, & Nik Rosila Nik Yaacob. (2013). Kajian Tentang Kepuasan Bekerja Dalam Kalangan Guru-guru Pendidikan Khas. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 28, 103–115.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Pendidikan Islam, Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Buku Penerangan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)*.
- Khairul Bariah Md Khair. (1999). *Falsafah dan Konsep Pendidikan Menurut Imam al-Ghazali*. Universiti Malaya.
- Misnan Jemali, Ab Halim Tamuri, & Azmil Hashim. (2014). Kaedah Pengajaran Al-Quran Sekolah Menengah Kebangsaan di Negeri Perak. *International Journal of Islamic Studies and Arabic Language Education (IJISAE)*, 1(1), 35–44.
- Mohd Aderi Che Noh. (2015). *Pengajaran dan Pembelajaran Tilawah al-Quran di Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Muhammad Izzat Ngah, Siti Zaleha Ibrahim, & Noraini Mohamad. (2016). Cabaran Pengajaran Subjek Tilawah Al-Quran. In *International Conference On Aqidah, Dakwah And Syariah 2016 (IRSYAD 2016)* (Vol. 2016, pp. 966–978).
- Muhammad Nashiruddin al-Albani. (2012). *Shahih at-Targhib wa a-Tarhib* (2nd ed.). Jakarta: Pustaka Sahifa.
- Mohd Huzaire Awang, Hajarul Bahti Zakaria, & Syar Meeze Mohd Rashid (2019). *Kaedah Pengajaran Fardu Ain Kepada Murid Bekeperluan Khas*. di Seminar Kesedaran Pendidikan KAFA OKU pada 9 April 2019 di ILIM anjuran Bahagian Pendidikan, JAKIM.
- Norakyairee Mohd Raus, Mohd Nur Adzam Rasdi, Norazman Alias, Norhasnira Ibrahim, Norullisza Khosim, Noornajihan Jaafar, Hajarul Bahti Zakaria. (2013). Pengajaran al-Quran Braille: Isu dan Cabaran Semasa. *International Journal on Quranic Research (IJQR)*, 3(4), 79–94.
- Norakyairee Mohd Raus, Mohd Nur Adzam Rasdi, Nur Amalina Azhar, Nurutthoilah Mohd Nabil, Ab. Halim Tamuri, & Norshidah Mohamed Salleh. (2019). *Pendidikan Agama Dalam Kalangan OKU: Isu dan Cabaran Semasa. Seminar Kesedaran Pendidikan KAFA OKU*. pada 9 April 2019 di ILIM anjuran Bahagian Pendidikan, JAKIM
- Norzila Zakaria. (2018). *Komplikasi Kisah Masalah Pembelajaran*. Universiti Sains Malaysia.
- Nurzuliana Rashed, Z., AbdMajid, M., Abu Bakar, S., Sudi, S., Ramizah Hasan, W., & Yusuf Marlon BAbdullah, M. (2015). Amalan Pengajaran Guru Tilawah Al-Quran: Kajian Kes Di Maahad Tahfiz Sains Negeri Selangor. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*.
- Safarina Ujang, & Norshidah Mohamad Salleh. (2018). Pelaksanaan Jawi , Al-Quran , Bahasa Arab , Fardu Ain ( j-QAF ) dalam Program Pendidikan Khas Integrasi. *Jurnal Ortopedagogia*.
- Siti Patonah Mohamad, Zulkifli Mohd Yusof, & Duriyyah Sharifah Hasan Adli. (2014). Pengajaran dan pembelajaran Al-Quran bagi Golongan Kelainan Upaya Mental: Analisis dari sumber Tradisi Islam. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, (8).
- Syar Meeze Mohd Rashid. (2017). Kemahiran Asas Serta Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Al-Quran Kepada Golongan Istimewa. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*.
- Tengku Nor Husna Tengku Jamil, Hasanah Abd Khafidz, & Khazri Osman. (2019). Strategi Guru Pendidikan Islam Sebagai Pendakwah Dalam Melahirkan Pelajar Berfikir Aras Tinggi. *Journal Of Islamic, Economics and Development*, 4(19), 97–107.